

14/07/1999

Kaset fitnah dihantar kepada guru

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Selasa - Golongan tertentu dipercayai melancarkan perang saraf menentang kerajaan dengan mengedarkan kaset Shit kepada guru di seluruh negara, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali.

Beliau berkata, golongan itu cuba mencetuskan kegelisahan rakyat dengan menjadikan guru sebagai sasaran utama, kerana mereka mudah dihubungi dan sentiasa mendampingi masyarakat.

"Individu atau kumpulan terbabit mengiriskan kaset Shit dan risalah melalui pos kepada sekolah yang mengandungi arahan membunuh pemimpin Umno serta mencaci peribadi sultan.

"Mereka juga menggunakan pendekatan ini, yang pernah digunakan oleh rakyat Iran dengan mengedarkan kaset di pasar untuk menentang Shah Iran, sehingga mencetuskan revolusi," katanya.

Bercakap kepada pemberita pada sidang akhbar di lobi Parlimen, beliau berkata kandungan kaset itu juga memburukkan pemimpin dan menghalalkan pembunuhan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah Majlis Tertinggi Umno, berkata kaset dan risalah itu dikirimkan kepada Sekolah Menengah Kedai Lalat, Kota Bharu, Kelantan.

"Ada beberapa pemimpin Umno dan sekolah menerima kaset ini yang dipercayai disampaikan oleh individu berpendidikan agama," katanya sambil menambah ia tidak akan dapat mempengaruhi golongan terpelajar.

Antara nama yang disebut dalam kaset itu, termasuk Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad; Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Penceramah dalam kaset itu turut meminta Mustapa dibunuh kerana menerima RM300 juta dari Sports Toto dan memberi RM300 seorang kepada penduduk Parlimen Jeli.

Katanya, ahli jawatankuasa petugas itu, Zawawi Mohd Zin, sudah membuat laporan mengenai kaset dan risalah berkenaan di Balai Polis Sentul, di sini semalam.

Serentak itu, beliau meminta polis menyiasat dan mengambil tindakan tegas terhadap individu serta mereka yang terbabit dalam pengedaran kaset berkenaan bagi menjamin keselamatan negara.

Selain guru sekolah, katanya, golongan terbabit juga dipercayai mengedarkan kaset ke pejabat daerah, pejabat kadi, kem tentera, pejabat bekas tentera, universiti, masjid dan kedai kopi.

Beliau berkata, lelaki dalam kaset itu yang dikenali Roslan Zahari, mahu kaset berkenaan diedarkan sebanyak 10,000 di setiap kawasan Parlimen.

Sementara itu, Ibrahim berkata hubungan antara Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat dengan timbalannya, Abdul Halim Abdul Rahman, dingin berikutan beberapa isu yang berbangkit ketika ini.

Beliau berkata, perang dingin itu timbul kerana Nik Aziz dikatakan terlalu banyak membuat kenyataan dan tidak memberi perhatian kepada pentadbiran negeri.

"Sebaliknya, Halim pula dilihat lebih mementingkan kedudukan dan mencari faedah untuk kepentingan diri.

"Berikutan itu, kedua-dua pemimpin masing-masing berusaha memastikan salah satu daripada mereka digugurkan dalam pilihan raya akan datang,"

katanya.

Beliau berkata, berikutan perang dingin itu juga wakil rakyat dari luar Kelantan, termasuk Ahli Parlimen Kubang Kerian, Mohamad Sabu dan Rantau Panjang, Dr Sanusi Daeing Mariok, dijangka bertanding di tempat lain.

(END)